

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 JANUARI 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jawatankuasa Kebangsaan tangani El Nino perlu diaktifkan semula	BERNAMA
2.	Jimat penggunaan air elak gangguan bekalan	Berita Harian
3.	Pakar diplomasi nuklear	Berita Harian
4.	El Nino: Telaga tiub atasi masalah bekalan air	BERNAMA
5.	Penduduk diminta minum banyak air	BERNAMA
6.	Penangites brace for El Nino heat	The Star
7.	Gempa sederhana landa Mindanao	BERNAMA
8.	Gempa bumi kuat landa Hokkaido, Jepun	BERNAMA



Jawatankuasa Kebangsaan Tangani El Nino Perlu Diaktifkan Semula

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Menangani Fenomena El Nino perlu diaktifkan semula bagi memantau dan membuat persediaan awal untuk menghadapi situasi itu yang sedang berlaku di negara ini.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) S. Piarapakaran berkata jawatankuasa itu akan memastikan segala persediaan menghadapi fenomena El Nino dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

"Kalau **MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi)** rasa El Nino sudah terbentuk dan ia mungkin di tahap sederhana dan tinggi, jawatankuasa ini perlu diaktif semula untuk memantau dan juga memastikan kita sudah bersedia menghadapi fenomena El Nino ini.

"Kalau kita bersedia ketika impak (El Nino) kurang, kita tak rugi...kalau impaknya tinggi, mungkin kita boleh kurangkan impak tersebut kerana kita sudah bersedia..itu yang penting, daripada kita tunggu dan lihat sahaja kesannya sehingga menjadi lebih teruk," katanya kepada Bernama di sini.

Dalam pada itu, Piarapakaran berkata keadaan cuaca panas yang berlaku kini boleh menjangkau suhu lebih tinggi disebabkan faktor geografi ekoran litupan hutan semakin berkurangan ekoran aktiviti penggondolan hutan dan penarahan bukit untuk pembangunan.

"Jika El Nino berlaku pada tahap sama sekitar 90-an dahulu di mana ketika itu El Nino pernah mencecah 40.1 celsius pada 1998, kesannya tidak sama. Semasa itu kawasan litupan hutan kita masih banyak.

"Setelah hampir 20 tahun keadaan itu berlaku, El Nino kini kembali dikatakan 'kuat'. Ketika ini kita lihat banyak pembangunan dilakukan dan ia mengakibatkan banyak kawasan litupan hutan sudah tiada. Walaupun El Nino sama tahapnya seperti dahulu dijangka melanda kali ini, impaknya akan lebih besar berbanding 1997 dan 1998," katanya.

Beliau turut berkata sekiranya fenomena El Nino yang kuat berterusan sehingga tiba musim monsun barat daya, ia akan mempengaruhi kadar takungan empangan air di negara ini.

Ia disebabkan taburan hujan yang lebih rendah pada musim monsun barat daya apatah lagi ditambah pula dengan kesan El Nino, katanya.

Justeru, katanya pengalaman lalu ketika menghadapi fenomena El Nino pada 1997-1998 dan musim panas berpanjangan pada 2014, harus dijadikan iktibar dan negara perlu bersedia lebih awal bagi mengelak berlaku impak lebih besar.

"Sebab itu apa yang berlaku ketika El Nino sebelum ini, perlu diambil iktibar. Kita harus bersedia mengelak impak yang lebih besar.

"Ini perlu menjadi satu dasar kerajaan terutamanya bila Malaysia ingin menjadi negara maju...kita memang perlu bersedia sebab kita akan diteladani oleh negara-negara membangun," katanya.

Pada 9 Jan lepas, **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Datuk Che Gayah Ismail** berkata intensiti hujan negara dijangka berkurangan antara 20 hingga 60 peratus bermula bulan ini, ekoran fenomena El Nino sedang melanda Malaysia pada masa ini.

Menurutnya tahap El Nino kini dikategorikan sebagai 'kuat' dan dijangka suhu negara meningkat antara 0.5 dan dua darjah celsius.

Beliau berkata impak El Nino yang kuat itu akan berterusan sehingga April dengan negeri-negeri di utara Semenanjung sudah mula menerima kesan fenomena itu.

-- BERNAMA

Jimat penggunaan air elak gangguan bekalan

Pada 8 Januari lalu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, membuat kenyataan media bahawa cuaca panas dijangka sehingga Mac ini. Kejadian ini dikaitkan dengan fenomena El Nino kuat yang sedang berlaku dan dijangka akan berterusan sehingga suku pertama tahun ini.

El Nino adalah kemarau yang berpanjangan disebabkan pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh lama di timur Lautan Pasifik. Jumlah hujan dijangka berkurangan antara 20 peratus hingga 60 peratus dan suhu sekitar akan meningkat sebanyak 0.5 darjah Celsius hingga dua darjah Celsius berbanding kebiasaan.

Akibat suhu yang tinggi, ia juga boleh mengakibatkan kes denggi meningkat selain air di empangan berkurang dan turun ke paras yang minimum. Ini juga mungkin mengakibatkan sebahagian kawasan tidak mendapat bekalan air seperti senario catuan

air sebelum ini.

Semua orang tahu bahawa air sangat penting untuk kehidupan sejagat. Air adalah keperluan utama. Badan kita sendiri memerlukan sekurang-kurangnya dua liter air sehari. Bila tiada air, banyak perkara tergendala terutama kerja rumah dan industri. Bagi kita, musim tengkujuh pada hujung tahun dan awal Januari tidak merisaukan kerana kita percaya empangan sentiasa penuh. Malah kadang-kadang, paras air melebihi paras maksimum dan boleh mengakibatkan banjir.

Di Malaysia, disebabkan kadar caj air yang rendah, tiada siapa memandang pemuliharaan air sebagai perkara penting. Justeru, ramai yang cenderung melakukan pembaziran atau tidak menggunakan air dengan cermat. Tambahan lagi, pemilik kilang dan petani menjadi penyumbang kepada pencemaran air.

Pembalakan untuk tujuan pembangunan atau pertanian secara berleluasa yang memusnahkan kawasan tadahan turut men-

cemarkan air.

Seseorang individu hanya memerlukan 50 liter air sehari untuk keperluan asas. Namun demikian, pada tahun 2013, rakyat Malaysia menggunakan 210 liter seorang sehari. Oleh itu, orang ramai dinasihat berjimat cermat dalam penggunaan air. Kita perlu menghargai air dan berusaha menjimatkan penggunaan air di samping menjimatkan bayaran bil air rumah kita.

Langkah jimat air

- Singkatkan waktu mandi sekurang-kurangnya lapan minit atau kurang lebih baik.
- Tutup air apabila tidak digunakan dan gunakan pancuran air tekanan rendah terutama sewaktu menggosok gigi, mencuci muka atau bercukur.
- Gunakan tandas yang mempunyai keupayaan curahan rendah atau letakkan sebotol air ke dalam tangki curahan untuk mengurangkan air yang dicurah.
- Penggunaan pendingin hawa di rumah bukan sahaja membantu

mengurangkan rasa kepanasan, malah boleh menjimatkan air dengan menakung air dari paip pendingin hawa untuk menyiram tanaman.

● Takung air sebanyak yang mungkin bila hujan dengan memasang sistem penapaian air hujan atau meletakkan baldi. Selepas menakung air, baldi itu haruslah ditutup supaya tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

● Perhatikan saluran paip anda. Sekiranya berlaku kebocoran, baiki segera. Ini boleh mengelakkan air tidak terhasil.

Perubahan iklim seperti El Nino boleh memudaratkan kesihatan. Orang ramai dinasihat menjaga kesihatan dan mengurangkan aktiviti luar. Kesan El Nino terhadap bekalan air juga akan mengganggu kehidupan harian.

Sungai juga perlu dijaga daripada pencemaran kerana selain empangan, sungai adalah sumber bekalan air dengan sebanyak 13,753 juta liter sehari diekstrak pada tahun 2013.

E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

Walaupun takungan air di Empangan Klang Gates, Empangan Semenyih dan Empangan Sungai Selangor masih dalam peratus memuaskan, namun orang ramai diingat untuk menghargai air dengan berjimat cermat jika tidak ingin mengalami sebarang gangguan dalam cuaca panas ini.

Jika tiada hujan lebih daripada 100 hari, air di empangan akan berada di paras kritikal dan catuan air akan berlaku.

Debbie Injan
Anak Andrew Jumat,
Forum Air Malaysia.

Pakar diplomasi nuklear

» Dr Noor Hasnah beri sumbangan besar kepada negara berkaitan isu di peringkat antarabangsa

Oleh Norhafzan Jaafar
hafzan@bh.com.my

Melihatkan gaya penampilan wanita kecil molek ini yang ringkas dan bersahaja, ramai yang tidak menyangka beliau mempunyai pengaruh besar dalam bidang pembangunan nuklear tanah air.

Peranan Penyelidik Kanan, Agensi Nuklear Malaysia, Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah, 59, dianggap hebat kerana beliau sering diundang sebagai penceramah jemputan di dalam dan luar negara di atas kepakarannya berkaitan nuklear antarabangsa.

Bersesuaian dengan pengalamannya yang berkhidmat hampir 36 tahun di Agensi Nuklear Malaysia, tidak keterlaluan mengklasifikasikan Noor Hasnah, antara pakar nuklear tempatan yang turut mencipta nama di pentas dunia.

Malah, buah fikiran pernah dianggap sebagai pemutus dan penentu kepada pendirian kerajaan dalam menyuarakan pendapat dan pandangan mengenai isu nuklear antarabangsa demi mempertahankan hak masyarakat sejagat untuk memastikan pemindahan teknologi berkenaan bagi tujuan keamanan tidak dihalang

pihak berkepentingan.

Pendirian terhadap nuklear

Berkongsi pengalaman ketika bertugas sebagai atase sains yang juga pegawai gantian kepada wakil tetap Malaysia di Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia Ke Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna, Austria, selama enam tahun, pada November 2005 hingga Januari 2011, menjadikan Noor Hasnah peka dan sensitif mengenai hal ehwal nuklear dunia.

"Sepanjang berada di Vienna, tugas saya sebagai penasihat kepada Duta Besar Malaysia di sana mengenai pendirian kerajaan Malaysia dalam bidang nuklear.

"Ia mendedahkan saya kepada banyak perkara dari segi rundingan diplomasi nuklear pelbagai hala sehingga membabitkan soal perjanjian, konvensyen dan perundangan nuklear antarabangsa.

"Dalam tempoh tugasan saya di Vienna, Malaysia ketika itu juga dilantik sebagai pengerusi Ahli Lembaga Gabenor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) pada tahun 2010. Secara tidak langsung ia memerlukan saya menyediakan draf kenyataan kebangsaan dan resolusi IAEA berkaitan isu nuklear.

© Muka 7

“Sepanjang berada di Vienna, tugas saya sebagai penasihat kepada Duta Besar Malaysia di sana mengenai pendirian kerajaan Malaysia”

Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah,
Penyelidik Kanan, Agensi Nuklear Malaysia



Dari kiri; Penyelidik Kanan Agensi Nuklear Malaysia, Dr Noor Hasnah, Dr Siti Aisah Hashim dan Salmah Moosa.

SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 7
TARIKH : 15 JANUARI 2016 (JUMAAT)



BIODATA

Dr Noor Hasnah

Nama: Dr Noor Hasnah
Mohamed Khairullah
Umur : 59 tahun
Jawatan: Penyelidik Kanan,
Agensi Nuklear Malaysia
Tarikh & tempat lahir:
31 Oktober 1956,
Tapah, Perak.
Sekolah: King George V,
Seremban, Kolej Tunku
Kurniah, Seremban.
Pendidikan: Ijazah Sarjana
Muda Kimia Gunaan,
University of Central
Queensland, Australia.
Ijazah Sarjana Radiofarmasi,
University of Southern
California, Amerika Syarikat.
Ijazah Kedoktoran Sains
Farmasi, University of Notting-
ham, United Kingdom
Persatuan: Presiden
Women in Nuclear
(WIN) Malaysia
Ahli Lembaga Women
in Nuclear Global
Ahli Jawatankuasa
Persatuan Nuklear Malaysia
Anak: Dr Mohd Yuhyi, 33
Dr Noor Zahrah, 30
Muhammad Afiq, 25



Dr Noor Hasnah sering mewakili negara ke persidangan di luar negara mengenai nuklear.



Utama tugas didik anak

Dari muka 6

"Setiap keputusan atau pendirian yang dikemukakan kerajaan disifatkan sangat penting kerana ia bakal menentukan masa depan bukan saja negara kita, tetapi juga negara lain untuk mendapatkan pemindahan teknologi nuklear bagi tujuan keamanan," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Misi pakar pembangunan nuklear
Noor Hasnah berkata, ketika di Vienna, beliau juga menjalankan tugas sebagai atase sains Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang turut menasihati menteri dalam rundingan meja

bulat menteri sains Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Katanya, berikutan pengalaman di Vienna itu menjadikan beliau sering menerima undangan IAEA untuk menjalankan misi pakar bagi tujuan pembangunan nuklear di peringkat antarabangsa.

Ibu tunggal kepada tiga cahaya mata ini mengakui, beliau seorang yang komited terhadap kerjayanya tetapi dalam masa yang sama tidak melupakan tugas dan tanggungjawab mendidik anak.

"Jika diimbaz semula ketika berada di Vienna, tugas saya menuntut pengorbanan masa untuk bersama keluarga. Namun, saya bertuah

Bersama dua daripada tiga anaknya ketika sambutan Aidilfitri.



kerana pada masa itu anak sudah meningkat remaja, malah seorang daripada mereka sudah melanjutkan pengajian di peringkat universiti.

"Mereka boleh berdikari tanpa perlu terlalu bergantung kepada saya. Lagi pula Vienna adalah antara

bandar raya menawarkan kualiti kehidupan terbaik di dunia selain ia adalah selamat dan aman," katanya mengulas tugas sebagai ibu.

Keluarga paling utama
Noor Hasnah berkata, beliau tidak pernah me-

nganggap hidup di negara orang sebagai menyusahkan walaupun terpaksa membesarkan anak bersendirian.

Sebaliknya beliau menyifatkan ia sebagai pengalaman paling berharga apabila dapat mempelajari kehidupan budaya yang berbeza.

"Ia juga satu kelebihan kepada anak saya sendiri apabila mereka mengambil kesempatan berada di Austria itu untuk menambah lagi kemahiran komunikasi dengan mempelajari bahasa tempatan.

"Saya beruntung kerana anak sulung ketika itu pula melanjutkan pengajian di United Kingdom, jadi memudahkan kami untuk ke sana atau dia pulang ke Vienna," katanya.

Bertanggungjawab bangun sistem pengurusan kualiti SINAGAMA

Mengimbas semula pembabitannya dalam bidang nuklear, Noor Hasnah yang memperoleh ijazah pertamanya dalam bidang Kimia Gunaan dari Universiti Central Queensland, Australia, berkata beliau memulakan khidmat dengan agensi itu pada 1 Februari 1980 apabila ditempatkan di Seksyen Kawalan Mutu, Jabatan Isotop.

"Pada awal pembabitannya dalam bidang ini, saya diberi tanggungjawab

membangunkan makmal dan kemudahan, selain menyediakan prosedur kawalan mutu bagi Program Pengeluaran Radioisotop dan Radiofarmaseutikal.

Lakukan penyelidikan radiofarmaseutikal

"Pada masa sama, saya turut melakukan penyelidikan dalam pembangunan radiofarmaseutikal untuk kegunaan perubatan nuklear di hospital

tempat," katanya.

Kini, selain bertanggungjawab sebagai penyelidik kanan di agensi terbabit, beliau juga memegang jawatan sebagai Pengurus Kumpulan Teknologi Radiofarmasiutikal di Bahagian Teknologi Perubatan sejak 2014.

Malah, Noor Hasnah adalah orang yang bertanggungjawab membangunkan Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan Standard Kualiti

ISO 900 dan Sistem Good Manufacturing Practice (GMP) bagi tujuan pensijilan untuk memastikan perkhidmatan penyinaran komersial yang dijalankan SINAGAMA menerima pengiktirafan antarabangsa.

Kejayannya membangunkan sistem pengurusan kualiti SINAGAMA berkenaan menjadikan kemudahan itu entiti kerajaan pertama di Malaysia yang menerima pensijilan ISO 9000.





El Nino: Telaga Tiub Atasi Masalah Bekalan Air



Gambar Hiasan

KOTA BAHARU, 14 Jan (Bernama) -- Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) akan menggunakan sumber air bawah tanah melalui telaga tiub bagi menampung kekurangan bekalan air yang mungkin berlaku berikutan fenomena El Nino.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Utiliti dan Teknologi Maklumat Negeri Kelantan Datuk Hanifa Ahmad berkata setakat ini terdapat lebih 30 telaga tiub yang boleh membekalkan air kepada 33 loji rawatan air di negeri ini.

"Sekiranya air Sungai Kelantan surut dan bermasalah untuk disedut masuk ke loji rawatan air, kita akan menyedut air dari telaga tiub masuk ke dalam loji tersebut," katanya kepada pemberita selepas majlis apresiasi media Kelantan di sini, Rabu malam.

Hanifa berkata jawatankuasa khas peringkat jajahan (daerah) telah diwujudkan bagi membuat persiapan menghadapi kesan daripada fenomena El Nino tersebut termasuk mengenal pasti kawasan yang dijangka menghadapi kekurangan bekalan air.

"Lokasi yang dijangka menghadapi kekurangan bekalan air ialah Bachok, Pasir Mas, Rantau Panjang dan Tanah Merah namun setakat ini kawasan terbabit tidak ada masalah," katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia baru-baru ini mengeluarkan kenyataan cuaca panas dan kering yang kini berlaku di Perlis dan Kedah dijangka turut dirasai di seluruh Semenanjung pada penghujung Januari hingga Mac ini.

Sementara itu, Hanifa berkata Kelantan dijangka menandatangani perjanjian migrasi air di bawah Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) pada akhir Mac depan.

Beliau berkata kini pihaknya dalam proses terakhir untuk memuktamadkan perjanjian berkaitan migrasi air itu yang bakal menyaksikan aset milik AKSB akan diuruskan oleh PAAB sekali gus akan meningkatkan perkhidmatan bekalan air kepada pengguna.

-- BERNAMA



Penduduk Diminta Minum Banyak Air



Gambar Hiasan

KUALA KANGSAR, 14 Jan (Bernama) -- Penduduk Perak dinasihati meminum banyak air berikutan keadaan cuaca panas dan kering ketika ini kesan daripada fenomena El Nino.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam, Integrasi Nasional dan Pembangunan Kampung Baharu Datuk Dr Mah Hang Soon berkata pengambilan air yang banyak dapat menjamin kesihatan yang baik.

"Kalau kita minum banyak air badan kita akan menjadi sihat dan langkah itu perlu diambil bagi mengelak kesihatan kita terjejas," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Sambutan Tahun Baru Cina di sini hari ini.

Pada masa sama, orang ramai juga dinasihatkan tidak terdedah terlalu lama dengan cuaca panas dan kering sekarang, selain mengelak daripada melakukan pembakaran terbuka.

Jabatan Meteorologi Malaysia baru-baru ini mengeluarkan kenyataan cuaca panas dan kering yang kini berlaku di Perlis dan Kedah dijangka turut dirasai di seluruh Semenanjung sehingga Mac ini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (STAR METRO) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 15 JANUARI 2016 (JUMAAT)



K. Sundaran catering to his thirsty customers at his coconut stall in Abu Siti Lane. (Right) The current water level at the Air Itam Dam. According to PBAPP, the dams in the state have enough water to withstand the dry season. — Photos: GARY CHEN/The Star

Penangites brace for El Nino heat

PENANG

By N. TRISHA and CAVINA LIM
north@thestar.com.my

PENANGITES have taken to various ways to beat the heat as temperatures soar in the state.

R. Priyah, 25, was seen trying to cool down with friends at the Penang City Park pool in the 35°C heat.

"This is the only place I could think of that allows me to cool off and take a swim for free. The weather has been unbearable lately.

"My family and I try not to go out during the day as we get tired fast," she said, adding that she uses some lotion to protect her skin if she had to go out during the day.

Coconut seller P. Rangan, who

has a stall in Abu Siti Lane, has been doing brisk business with 30% increase in sales over the past week.

"The weather is getting hotter by the day and to cool down, especially in the afternoon, many people come to my stall for some coconut water. Sometimes within three hours, I can sell up to 300 coconuts," he said when met yesterday.

The recent heatwave and dry spell experienced by the northern region has been forecast to last until March this year.

The dam levels at Air Itam and Teluk Bahang are at 87.6% and 83.2% respectively but Penangites must still be very careful to save water.

Penang Water Supply Corpo-

ration (PBAPP) chief executive officer Datuk Jaseni Maidinsa said they were on the alert in view of the Meteorological Department's warning of a possible hot and dry El Nino phenomenon.

"The last recorded rainfall at Penang's key dams was on Dec 29 when we recorded 31.0mm of rain at the Air Itam Dam, 38mm at the Teluk Bahang Dam and 17mm at Mengkuang Dam.

"We have enough water in the dams to accommodate the dry season until March or April.

"We are monitoring the dams and Sungai Muda on a daily basis.

"We will brief the state government and inform the public on Penang's water supply status regu-

larly," he told a press conference.

Jaseni urged Penangites to use water wisely and said they could call the PBAPP (04-5096509) any time of the day or night to report leaks at roadside mains or pipes.

"This weather pattern is due to global climate change.

"Penang always has dry weather from January to March but sometimes, the weather is drier than usual and this is one of the years.

"In 2014 and last year, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan and Johor had to implement water rationing.

"Even Taiping, the wettest town in Malaysia, experienced rationing and we do not want to have to take such a step," he said.

Jaseni said the dams in the state were designed to store enough water for 100 days.

He added that currently, the daily consumption of water for the whole state was about one billion litres a day on average.

Sabah as well as Limbang and Miri in Sarawak are also expected to face dry spells.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Panglima Madius Tangau had said that the current weather is due to the El Nino phenomenon which will be felt throughout the first quarter of the year.

Madius added that the El Nino was expected to reduce the percentage of rain by 20% to 60% and increase the temperature by 0.5°F to 2°F.



Gempa Sederhana Landa Mindanao

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.5 pada skala Richter, berlaku di Mindanao, Filipina pada 9.14 malam ini, menurut [Jabatan Meteorologi](#) dalam kenyataan di sini.

Ia berkata bahawa gempa bumi tersebut berpusat 67km ke tenggara Surigao City, Filipina dan 984km ke timur laut Kinabatangan, Sabah.

Gempa bumi itu bagaimanapun tidak menimbulkan ancaman tsunami, kata jabatan tersebut.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Kuat Landa Hokkaido, Jepun

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Gempa bumi kuat berlaku di wilayah Hokkaido, Jepun pada 11.25 pagi ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia \(MET\)](#) di sini hari ini, gempa kuat itu berukuran 6.6 pada skala Richter.

Tiada ancaman Tsunami kepada Malaysia, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA